

17 NOV 1999

Lim-Undur

LIM AH LEK TETAP MAHU BERUNDUR

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek tidak mahu disenaraikan sebagai calon pilihan raya kali ini kerana beliau mahu bersara daripada politik.

"Sebenarnya saya telah merancang untuk bersara sejak 1986 lagi tetapi diminta terus berada dalam MCA oleh presiden parti untuk menstabilkan parti," kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini.

Lim berkata, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tetap mahu beliau bertanding dalam pilihan raya kali ini walaupun beliau telah menyatakan hasratnya untuk bersara.

Lim yang juga pengerusi MCA Pahang telahpun mengemukakan senarai calon parti bagi negeri itu tanpa nama beliau.

Beliau dijadualkan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung keputusannya itu hari ini.

Lim yang juga Menteri Sumber Manusia disegani khasnya oleh kesatuan-kesatuan sekerja, yang ramai daripadanya telah merayu kepada beliau supaya bertanding dalam pilihan raya pada 29 Nov ini.

Ditanya mengapa beliau mahu bersara daripada politik, Lim berkata beliau telahpun berkhidmat selama 25 tahun dalam pelbagai jawatan politik, termasuk 10 tahun dalam Kabinet Persekutuan dan pada masa yang sama beliau mahu memberi laluan kepada muka baru.

"Sudah tiba masa untuk melatih generasi muda. Saya mahu meluangkan lebih banyak masa dengan keluarga dan sahabat handai. Ia waktu yang tepat untuk berundur dan bukan keputusan semalaman," katanya.

Lim berkata, beliau tidak mempunyai apa-apa masalah dengan Dr Ling yang beliau menyifatkan sebagai "abang kembar".

"Sehinggakan Perdana Menteri sendiri telah memberi saya banyak ruang untuk berbuat apa yang saya mahu dalam Kementerian," katanya.

Beliau berharap keputusannya untuk bersara daripada politik tidak akan dijadikan isu.

-- BERNAMA

SFI AU PR